



SIARAN MEDIA

PELEPASAN IKAN KE PERAIRAN UMUM PERLU UTAMAKAN SPESIES ASLI AIR TAWAR

PUTRAJAYA, 27 Februari 2026 – Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) memandang serius rakaman video tular yang menunjukkan tindakan melepaskan ikan ke Sungai Klang. Sehubungan itu, DOF ingin menegaskan bahawa sebarang aktiviti pelepasan ikan ke perairan umum hendaklah mengutamakan spesies ikan asli air tawar dan mendapat kebenaran pihak berkuasa terlebih dahulu.

Pelepasan ikan tanpa kawalan atau tanpa rujukan teknikal boleh menjejaskan keseimbangan ekosistem serta populasi ikan sedia ada di sungai dan tasik. Justeru, hanya spesies ikan asli air tawar dibenarkan untuk dilepaskan ke perairan umum tertakluk kepada kelulusan Pejabat Perikanan Negeri/Daerah.

Antara spesies ikan asli air tawar yang dibenarkan dan lazim digunakan bagi tujuan pelepasan ke perairan umum adalah seperti berikut:

Kelah, tengas, temoleh, tengalan, sebarau, lampam sungai, terbul, baung, puyu dan udang galah.

Ketua Pengarah Perikanan Malaysia, Dato' Adnan bin Hussain menekankan bahawa pelepasan ikan ke perairan umum perlu dilaksanakan secara bertanggungjawab dan berasaskan panduan teknikal yang ditetapkan.

“Semua pihak termasuk badan berkanun, agensi kerajaan dan swasta, badan keagamaan, pertubuhan bukan kerajaan serta orang awam yang berhasrat untuk menjalankan aktiviti pelepasan benih ikan atau udang hendaklah merujuk dan mendapatkan kebenaran terlebih dahulu daripada Pejabat Perikanan Negeri atau Pejabat Perikanan Daerah di lokasi program diadakan.

“Panduan teknikal berkaitan pelaksanaan pelepasan ikan boleh diperolehi daripada pejabat berkenaan. Langkah ini penting bagi memastikan spesies yang dilepaskan bersesuaian serta tidak menjejaskan keseimbangan ekosistem dan sumber perikanan tempatan,” ujar beliau.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : ukk@dof.gov.my